

BAB TIGA

*PROSEDUR PENETAPAN FATWA
DAN PENGUATKUASAANNYA*

BAB TIGA

PROSEDUR PENETAPAN FATWA DAN PENGUATKUASAANNYA

3.0 Pendahuluan

Sejak perlantikan Mufti Kerajaan Brunei yang pertama, 1 April 1962 hingga sekarang, fatwa dikeluarkan sebagai jawapan kepada segala permasalahan yang dihadapkan kepada Mufti Kerajaan. Sama ada soalan itu datangnya daripada pihak kerajaan, swasta, organisasi atau orang perseorangan.

3.1 Prosedur Pengeluaran Fatwa

Mengikut bab 42 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, prosedur pengeluaran fatwa di Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:

“42. (1) Sesiapa sahaja boleh, dengan surat yang ditujukan kepada Setiausaha, meminta Majlis mengeluarkan satu fatwa dalam mana-mana perkara mengenai undang-undang atau ajaran ugama Islam. Apabila menerima seperti itu Setiausaha hendaklah dengan serta-merta menghadapkan permintaan tersebut kepada Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang.

(2) Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah mempertimbangkan setiap permintaan tersebut dan hendaklah, kecuali pada pendapatnya pertanyaan yang dimaksudkan adalah tidak sungguh-sungguh atau bagi sebab-sebab lain yang baik tidak patut untuk dijawab, menyediakan satu rang fatwa terhadapnya. Jika rang fatwa itu dipersetujui sebulat suara oleh Jawatankuasa Undang-Undang atau oleh ahli-ahlinya yang hadir dan berhak untuk mengundi, maka Pengerusi hendaklah bagi

pihak dan atas nama Majlis dengan serta-merta mengeluarkan suatu fatwa menurut rang tersebut. Jika sekiranya dalam mana-mana hal Jawatankuasa Undang-Undang tidak sebulat suara, pertanyaan tersebut hendaklah dirujukkan kepada Majlis, yang mana hendaklah dengan cara yang sama mengeluarkan fatwanya menurut pendapat lebih suara ahli-ahlinya.

Dengan syarat bahawa atas alasan-alasan khas mana-mana pertanyaan boleh dirujuk oleh Majlis ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi penetapan Baginda, dan mana-mana pertanyaan hendaklah dirujuk sedemikian ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia jika Mufti menghendaki demikian dan dalam mana-mana hal jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia membuat suatu penetapan Majlis hendaklah mengeluarkan satu fatwa menurut penetapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu.

(3) *Majlis boleh pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri membuat dan menyiar倦 suatu fatwa atas mana-mana pertanyaan sebagaimana yang disebutkan sebelum ini.*

(4) *Semua fatwa dalam mana-mana perkara hukum syarak atau ajaran yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan."*

Bab 42 (2) di atas menjelaskan bahawa menyediakan rang fatwa adalah tanggungjawab Jawatankuasa Undang-Undang dan rang fatwa yang disepakati akan dikeluarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang atas nama Majlis Ugama Islam. Dalam keadaan Jawatankuasa Undang-Undang tidak sebulat suara, fatwa akan dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam mengikut suara ramai ahlinya. Majlis juga boleh pada bila-bila masa mengeluarkan fatwa dengan kehendaknya sendiri.

Dalam semua keadaan di atas Mufti Kerajaan tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam mengeluarkan fatwa. Peranan Mufti Kerajaan hanyalah bertanggungjawab mempergerusikan Jawatankuasa Undang-Undang seperti mana kehendak bab 41 (3) dan menjadi ahli Majlis Ugama Islam menurut bab 40 (2) dari akta yang sama.

Jika dilihat dari sudut sejarah perkembangan fatwa dan tujuan asal perlantikan mufti yang memerlukan syarat-syarat yang ketat terutama dalam bidang ilmu, maka jelas kepada kita bahawa rasional perlantikan mufti itu adalah untuk memberi fatwa atau menjawab serta menghuraikan ketentuan hukum syarak terhadap segala permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam. Tetapi apa yang terkandung dalam bab 42 di atas tidak menunjukkan tujuan sebenar perlantikan dan autoriti Mufti Kerajaan dalam mengeluarkan fatwa seperti mana asalnya.

Tidak dinafikan bahawa kehendak bab 42 di atas adalah baik kerana fatwa ditangani secara kolektif. Tetapi pada realiti dan kesesuaian lantikan ahli-ahli adalah tidak relevan dan tidak praktikal. Bahkan ia menghalang kelancaran pengeluaran fatwa kerana ahli-ahli yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Undang-Undang menurut bab 41 (2) dari akta berkenaan adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan. Mereka bertugas dalam berbagai bidang termasuk bidang pentadbiran negara. Tugas-tugas tersebut memerlukan perhatian penuh dari mereka kerana ia adalah tanggungjawab yang lebih utama untuk dilaksanakan. Keadaan ini menyebabkan ahli-ahli sukar untuk menumpukan perhatian dalam menyediakan rang fatwa seperti mana yang sewajarnya.

Kesukaran melaksanakan dan tidak praktikalnya bab 42 (2) di atas, jelas terbukti apabila Mufti Kerajaan Brunei yang pertama mencadangkan kepada pihak Majlis Ugama Islam, melalui surat beliau bil. (10) dlm. MKB. 19/1967 bertarikh 10 Desember 1983, supaya kehendak bab 42 (2) dilaksanakan sepenuhnya. Bersama surat tersebut,

beliau menghadapkan lapan permintaan fatwa untuk dibuat rang fatwanya oleh Jawatankuasa Undang-Undang.

Setelah menyedari hakikat kesukaran dalam melaksanakan kehendak bab tersebut, maka pada 2 Jamadilawal 1401H bersamaan 4hb. Februari 1984, kertas mesyuarat bil: 3/84 (Perjalanan Fatwa-Fatwa berdasarkan Bab 42 (2) dari Undang-Undang Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi No.20/1955) telah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Ugama Islam. Sebagai jalan keluar dari permasalahan tersebut Majlis Ugama Islam memilih untuk menggunakan kelunggaran yang terkandung dalam bab 41 (5) iaitu:

"(5) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, Jawatankuasa Undang-Undang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengatur peraturannya sendiri"

Sehubungan dengan itu, Majlis memutuskan agar prosedur pengeluaran fatwa adalah seperti berikut:

- a- Semua permohonan untuk mendapatkan fatwa-fatwa dari Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan hendaklah melalui Setiausaha Majlis Ugama Islam, berdasarkan bab 42 ceraian (1) dari undang-undang No.20/1955, maka untuk maksud ini orang ramai hendaklah diberi maklum mengenainya.

b- Segala pertanyaan mengenai dengan kemosykilan ugama akan dihadapkan oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam kepada Pihen Datu Seri Maharaja samada satu fatwa akan dikeluarkan mengenainya atau tidak. Maka dalam hal ini Jawatankuasa Undang-Undang bersetuju memberi kuasa kepada Pehin Datu Seri Maharaja untuk menjawab kemosykilan agama iaitu dalam perkara-perkara yang pada fikiran Pehin Datu Seri Maharaja tidak payah dirujuk kepada Jawatankuasa Undang-Undang. Walau bagaimana satu salinan mengenai fatwa yang berkenaan itu (iaitu jawapan yang dikirim kepada penanya) akan diberi kepada setiap ahli Jawatankuasa Undang-Undang bagi makluman, tetapi, jika pada fikiran ahli bahawa fatwa tersebut boleh menjadi asas peraturan atau undang-undang maka ia akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Undang-Undang untuk dibahaskan.

c- Jika pada fikiran Pehin Datu Seri Maharaja yang kemosykilan agama yang dikemukakan kepadanya itu boleh menjadi asas peraturan-peraturan atau undang-undang negeri maka perkara itu hendaklah dirujukkan kepada Jawatankuasa Undang-Undang yang demikian bolehlah ia (Pehin Datu Seri Maharaja) membuat rang fatwa mengenainya. Apabila fatwa yang dibahaskan itu telah diluluskan oleh Jawatankuasa Undang-Undang, maka pada ketika itu terserahlah kepada Jawatankuasa Undang-Undang sama ada fatwa yang berkenaan itu akan dipohonkan kepada kerajaan untuk diwartakan bagi makluman dan panduan orang ramai dan sebagai rujukan khas, jika ada perkara-perkara yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di dalam Undang-

Undang No.20 / 1955 atau fatwa berkenaan itu tidak diwartakan, tetapi akan dihadapkan kepada kerajaan melalui Majlis Ugama Islam sebagai suatu cadangan supaya kerajaan akan mengambil langkah berpatut menjadikannya peraturan-peraturan yang boleh dijalankan melalui pentadbiran kerajaan oleh pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan atau kedua-duanya sekali.

d- Pemusatan fatwa hanyalah ditumpukan pada menerangkan hukum ahkam mengenai masalah-masalah yang dimusyikikan, walau bagaimanapun rahsia perundangan (حکمة التشريع) hanya akan disentuh jika keadaan memerlukan berbuat demikian.

Sebagai tambahan kepada (a) hingga (d) di atas Jawatankuasa memberi kuasa kepada Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Negara Brunei Darussalam mengeluarkan fatwa dengan nama Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan, selaku Pengurus Jawatankusa Undang-Undang.¹

Keputusan di atas adalah keputusan sementara kerana dalam mesyuarat berkenaan Majlis Ugama Islam juga memutuskan supaya bab 42 (2) dipinda dengan segera bagi menyesuaikan tugas-tugas dan kedudukan Mufti Kerajaan.²

Keputusan di atas jelas membuktikan prosedur yang terkandung dalam bab 42 (2) itu tidak relevan dan tidak praktikal. Berikutan keputusan tersebut, fatwa terus

dikeluarkan sendiri oleh Mufti Kerajaan seperti mana sebelumnya tanpa dirujuk kepada ahli-ahli Jawatankuasa Undang-Undang kecuali perkara-perkara yang hendak diperundangkan. Sejak perlantikan Mufti Kerajaan yang pertama hingga sekarang fatwa-fatwa adalah dikeluarkan atas nama Mufti Kerajaan. Walaupun demikian fatwa-fatwa yang dikeluarkan diterima baik dan dijadikan panduan oleh orang ramai dan pihak kerajaan termasuk Majlis Ugama Islam sendiri. Ini menggambarkan bahawa Mufti Kerajaan mampu menangani hal ehwal fatwa walaupun Mufti Kerajaan hanya dibantu oleh beberapa orang pegawai termasuk kerani.

3.2 Dasar Penetapan Fatwa

Selain dari merujuk kepada sumber-sumber utama dalam pengeluaran hukum syarak, penetapan fatwa hendaklah mengikut pendapat para fuqaha' dalam mazhab Syafi'i dengan mengutamakan *qaul mu'tamad* seperti mana yang ditetapkan dalam bab 43 (1). Jika difikirkan dengan mengikut *qaul mu'tamad* sedemikian akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, kecuali jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarah yang sebaliknya, mengikut *qaul dha'if* daripada mazhab Syafi'i. Jika difikirkan bahawa dalam mengikut *qaul mu'tamad* atau *qaul dha'if* daripada mazhab Shafi'i akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mengikut *qaul* daripada mana-mana tiga lagi mazhab yang dianggap bersesuaian. Mana-mana fatwa yang dikeluarkan sedemikian, segala syarat-syarat dan prinsip-prinsip yang patut diikuti hendaklah dibentangkan dengan keterangan dan

penjelasan yang penuh. Mana-mana fatwa yang diberikan oleh Majlis sama ada secara langsung atau melalui Jawatankuasa Undang-Undang, menurut syarat-syarat sebelum ini hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan dan selepas itu hendaklah ditetapkan ke atas semua orang Islam daripada mazhab Syafi'i yang tinggal di Negara Brunei Darussalam, selain daripada orang-orang Islam yang bukan terdiri daripada bangsa melayu, yang tertakluk kepada undang-undang persendirian selain daripada yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.³

3.3 Penguatkuasaan Fatwa

Menurut bab 43 (2) dari Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, mana-mana fatwa yang diberi oleh Majlis sama ada secara langsung atau melalui Jawatankuasa Undang-Undang, menurut syarat-syarat sebelum ini hendaklah, jika Majlis menetapkan demikian atau jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengarahkan sedemikian, disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dan selepas itu hendaklah ditetapkan ke atas semua orang Islam daripada mazhab Syafi'i yang tinggal di Negara Brunei Darussalam, selain daripada orang-orang Islam, yang bukan terdiri daripada bangsa Melayu, yang tertakluk kepada undang-undang persendirian selain daripada yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Jika dilihat kepada kandungan bab di atas, ia bermakna semua permasalahan yang dijawab atau difatwakan hendaklah diwartakan dalam Warta Kerajaan. Dengan

demikian ia menjadi dasar perundangan yang perlu dipatuhi oleh orang-orang Islam di Negara Brunei Darussalam. Kehendak bab ini lebih menguatkan kedudukan fatwa sebagai sumber rujukan tentang hal ehwal agama Islam khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan ketetapan hukum syarak. Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berprinsipkan "Melayu Islam Beraja" adalah wajar dan tepat sekali supaya fatwa itu diletakkan distatus yang tinggi agar semua tindakan dalam pentadbiran negara, perundangan dan lain-lainnya tidak akan menyalahi hukum yang telah ditetapkan melalui fatwa Mufti Kerajaan.

Walaupun peruntukan di atas telah diwujudkan, tetapi dari sekian banyak fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan iaitu dari tahun 1962 hingga sekarang, hanya tujuh fatwa yang diwartakan mengikut kehendak di atas. Lima fatwa di keluarkan dalam Warta Kerajaan Negeri Brunei bilangan 238 bertarikh 12 September 1964. Fatwa-fatwa berkenaan ialah:

- i. Hukum menjual bendera kecil yang bertulis dua kalimah syahadat.
- ii. Hukum meletakkan bin atau binti bagi anak-anak angkat kepada nama bapa angkat dan hukum menambahkan nama bapa angkat selepas nama bapa asalnya.
- iii. Hukum memindahkan kubur orang Islam ke tempat lain.
- iv. Hukum orang bukan Islam menjual kitab-kitab Islam seperti al-Qur'an, Tafsir al-Qur'an atau seumpamanya.
- v. Hukum memasang papan tanda di tanah-tanah perkuburan menunjukkan arah kiblat.

Manakala fatwa mengenai hukum anak zina dalam agama Islam dikeluarkan dalam Warta Kerajaan Negeri Brunei bilangan 301 bertarikh 23 Oktober 1967 dan fatwa yang terakhir diwartakan ialah fatwa mengenai Pergerakan Free Masons atau Masoniah dan kelab-kelab cawangannya seperti Kelab Rotary, Kelab Lions, Syuhud, Yahuh atau Yahova's Witness dan lain-lain seumpamanya dan hukum orang Islam yang bergabung atau menganggotai kelab-kelab berkenaan iaitu melalui Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam bilangan 264 bertarikh 26 September 1987.

Bilangan fatwa yang telah diwartakan adalah terlalu sedikit jika dibandingkan dengan bilangan fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan. Tidak ada sebab yang pasti sehingga keadaan seumpama ini terjadi. Jika dilihat kepada kehendak undang-undang, seperti bab 42 (4) dari akta yang Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, sememangnya fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam sahaja yang mesti disiarkan dalam Warta Kearajaan. Walaupun demikian kekuatan fatwa Mufti Kerajaan tidak semata-mata bergantung kepada pewartaan. Ia mempunyai kekuatan yang tersendiri sehingga ia dijadikan dasar dan garis panduan dalam membuat sesuatu keputusan atau tindakan dalam pentadbiran negara. Penguatkuasaan dan perlaksanaannya lebih banyak dikesani oleh kefahaman, keprihatinan, dan semangat yang tinggi dari semua pihak dalam merilisasikan tuntutan hukum syarak yang difatwakan, khususnya mereka yang berautoriti dalam pentadbiran negara. Kesungguhan mereka terbukti dalam beberapa tindakan terhadap perkara-perkara seperti berikut:

1. Kelab Malam

Pada pertengahan tahun 1967, satu permohonan telah dihadapkan kepada Pengerusi Lembaga Bandaran untuk menjadikan sebuah rumah di Jalan Robert sebagai tempat majlis kelab malam yang akan menerima pelanggan-pelanggan dan orang ramai dari segala bangsa termasuk umat Islam Brunei. Sebelum kebenaran dipertimbangkan perkara ini terlebih dahulu dirujukkan kepada Mufti Kerajaan. Sebagai respon terhadap isu berkenaan satu fatwa telah dikeluarkan.

Antara kandungan fatwa tersebut telah menegaskan bahawa mewujudkan kelab malam bagi orang ramai di Negara Brunei Darussalam bererti menyuruh dan membolehkan semua lapisan orang yang berada dalam negara pergi ke kelab malam tersebut dan membuat berbagai rupa maksiat. Kemudian maksiat tidak akan terhenti dalam kelab malam tersebut bahkan akan menjalar dalam kawasan penduduk Brunei seluruhnya. Kelab malam akan menjadi tempat mengajar dan menggalakkan orang ramai berbuat maksiat dan membawa kepada keruntuhan akhlak dan perangai orang ramai.⁴

Mufti kerajaan juga menekankan bahawa Jabatan Agama telah berusaha bersungguh-sungguh dengan pimpinan dan naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana al-Sultan dan mengeluarkan berjuta wang ringgit untuk membaiki umat Islam Brunei dan meninggikan syiar Islam. Dengan adanya kelab-kelab malam dan

1. Kelab Malam

Pada pertengahan tahun 1967, satu permohonan telah dihadapkan kepada Pengurus Lembaga Bandaran untuk menjadikan sebuah rumah di Jalan Robert sebagai tempat majlis kelab malam yang akan menerima pelanggan-pelanggan dan orang ramai dari segala bangsa termasuk umat Islam Brunei. Sebelum kebenaran dipertimbangkan perkara ini terlebih dahulu dirujukkan kepada Mufti Kerajaan. Sebagai respon terhadap isu berkenaan satu fatwa telah dikeluarkan.

Antara kandungan fatwa tersebut telah menegaskan bahawa mewujudkan kelab malam bagi orang ramai di Negara Brunei Darussalam bererti menyuruh dan membolehkan semua lapisan orang yang berada dalam negara pergi ke kelab malam tersebut dan membuat berbagai rupa maksiat. Kemudian maksiat tidak akan terhenti dalam kelab malam tersebut bahkan akan menjalar dalam kawasan penduduk Brunei seluruhnya. Kelab malam akan menjadi tempat mengajar dan menggalakkan orang ramai berbuat maksiat dan membawa kepada keruntuhan akhlak dan perangai orang ramai.⁴

Mufti kerajaan juga menekankan bahawa Jabatan Agama telah berusaha bersungguh-sungguh dengan pimpinan dan naungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana al-Sultan dan mengeluarkan berjuta wang ringgit untuk membaiki umat Islam Brunei dan meninggikan syiar Islam. Dengan adanya kelab-kelab malam dan

seumpamanya akan mendorong berlakunya pelacuran yang akan merebak kepada anak-anak muda dan belia dan lain-lain lapisan umat Islam. Maka usaha Jabatan Agama yang bersungguh-sungguh pada membaiki perangai dan akhlak belia serta menggalakkan mereka ke arah keagamaan dan kemanusiaan itu akan menjadi sia-sia belaka dan tiada mendapat faedah.⁵

Dengan keluarnya fatwa di atas, maka sampai sekarang kelab malam tidak dibenarkan diwujudkan di Negara Brunei Darussalam.

2. Penempatan Pasar Babi

Suatu ketika dahulu, Di Bandar Seri Begawan terdapat sebuah pasar babi yang terletak di tebing Sungai Kianggih. Sungai ini adalah laluan utama orang ramai dan menjadi tempat kenaikan khususnya penduduk Kampong Ayer yang menggunakan perahu untuk pergi ke bandar. Selain itu, sungai ini menjadi tempat pemunggahan dan tempat peniaga-peniaga ikan mendaratkan ikan-ikan untuk dibawa ke pasar ikan yang letaknya tidak jauh dari tebing sungai berkenaan.

Kewujudan pasar babi tersebut sangat menggelisahkan pengguna sungai berkenaan terutama orang-orang Islam, kerana darah sembelihan dan sisa-sisa kotoran babi di pasar berkenaan dialirkan dan dibuang ke sungai tersebut. Dalam usaha

mencari jalan penyelesaian, permasalahan tersebut dihadapkan kepada Mufti Kerajaan untuk mendapatkan fatwa. Mufti Kerajaan menjelaskan dalam fatwanya, antaranya:

*"Tidak harus atau tidak dibenarkan orang bukan Islam menampakkan perkara yang ditegah oleh Agama Islam seperti arak, babi dan lain-lain seumpamanya kepada orang Islam. Oleh itu wajiblah Pasar Babi itu diadakan di suatu tempat yang tersembunyi daripada pandangan orang Islam, bukan seperti yang ada di tengah-tengah bandar yang terbuka dan terdedah seperti di tebing Sungai Kianggeh itu."*⁶

Dengan keluarnya fatwa ini, maka pihak berkuasa telah mengambil tindakan memindahkan pasar berkenaan ke suatu tempat yang tersembunyi di Jalan Teraja, Bandar Seri Begawan. Manakala tebing Sungai Kianggeh telah dibersihkan serta diubahsuai untuk keselisaan pengguna khususnya penumpang-penumpang perahu dari Kampong Ayer.

3. Arak

Arak merupakan penyakit yang boleh merusakkan umat manusia kerana ia adalah punca segala keburukan dan kebinasaan. Firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَمِلُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ لَكُمْ فَلْيَحْمُدُوا مَا لَمْ يَرِيدُ اللَّهُ شَيْئًا لَّمْ يَرِدْ لَهُمْ أَنْ يَتَكَبَّرُوا وَالْفُحْشَاءُ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَعْصُمُكُمْ عَنْ ذَكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الْكُلُّوَةِ فَهُلْ أَنْتُمْ مُّنْتَهُونَ⁷

Tafsirnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud muhu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan muhu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?”

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dari ancaman gejala arak ini. Bahkan ia sudah sampai ketahap yang membimbangkan dan menimbulkan kegelisahan di kalangan orang Islam. Ramai remaja dan penuntut-penuntut sekolah telah terbabit dengan minuman tersebut. Antara puncanya ialah kedudukan sekolah yang berdekatan dengan kedai-kedai menjual arak. Gejala ini tentunya akan merusakkan masa depan masyarakat Negara Brunei Darussalam.

Kewujudan akta yang memberikuasa mahkamah menghukum mana-mana orang Islam yang terlibat dengan minuman keras dan usaha pihak kerajaan dalam menghadkan pengeluaran lesen menjual arak, tidak mampu menghalang orang Islam dari terjerumus kekancan bahaya arak itu.⁸

Pejabat Mufti telah menerima banyak surat dan aduan berkenaan dengan minuman keras yang semakin berleluasa di Negara Brunei Darussalam. Maka beberapa penjelasan dengan panjang lebar telah dibuat oleh Mufti Kerajaan melalui fatwa-

fatwanya yang memaparkan kedudukan hukum syarak dan kesan buruk yang berpunca dari arak. Beliau juga tidak kendur-kendur menyeru dan menyarankan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab agar isu arak itu dapat di atasi dan dibanteras kemasukannya.⁹

Untuk membanteras arak dari pasaran dan masuk ke Negara Brunei Darussalam bukanlah perkara yang mudah. Negara Brunei yang baru saja merdeka perlu menimbang beberapa aspek penting demi menjaga hubungan baik dan mengekalkan sokongan antarabangsa dan negara-negara jirannya dalam segenap hal. Walaupun dalam keadaan sedemikian, Alhamdulillah, dengan kebesaran Allah s.w.t arak dapat diharamkan pengedaran dan penjualannya di Negara Brunei Darussalam. Pengharaman tersebut berlaku secara berperingkat-peringkat. Bermula pada 30 November 1988 arak diharamkan dari dihidang dalam sebarang distinasi Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airline). Pada 31 Julai 1990, pengharaman arak di Kelab-Kelab Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei dikuatkuasakan. Manakala pengharaman arak secara total berkuatkuasa mulai 1 Desember 1991. Dengan pengharaman tersebut, segala permit-permit yang telah dikeluarkan sebelum tarikh berkenaan adalah dibatalkan serta-merta. Sementara mana-mana arak yang telah masuk atau dibuat dalam negara adalah dimansuhkan pada 1 Januari 1991.

4. Ayat Al-Qur'an Ditulis Dengan Tulisan Rumi

Di awal tahun tujuh puluhan, banyak kitab-kitab agama yang memuatkan ayat-ayat al-Qur'an ditulis dalam tulisan rumi. Antara tujuannya ialah menyenangkan orang yang tidak tahu membaca tulisan arab membaca ayat berkenaan. Hal demikian telah mendatangkan kegelisan sebahagian orang terutama kepada mereka yang perihatin terhadap kemuliaan al-Qur'an. Maka pihak yang bertanggungjawab mengawal penyebaran terbitan-terbitan telah menghadapkan permasalahan tersebut kepada Mufti Kerajaan untuk mendapat penjelasan tentang ketentuan hukum syarak mengenainya. Mufti Kerajaan menjelaskan dalam fatwanya bahawa menurut ulama, mengaji al-Qur'an dengan bahasa lain dari bahasa Arab dan menulis Qur'an dengan tulisan lain dari tulisan huruf Arab adalah haram dan dosa, sebagaimana tersebut dalam fatwa al-Imam Ibn Hajar dan lain. Menurut al-'Allāmah al-Syaikh Muhammad Hasanain Makhluf (meninggal pada tahun 1355H) dalam kitabnya "Manhaj al-Yaqin fi Bayan Anna al-Waqf al-Ahli min al-Din", apa yang dipegang oleh imam-imam yang empat ialah tidak harus (tiada halal dan tiada sah) ditulis dan dibaca al-Qur'an al-Karim dengan tulisan atau bacaan yang lain dari bahasa Arab. Sama ada seseorang itu lemah atau berupaya berbuat demikian, dalam atau luar sembahyang. Oleh yang demikian apa yang dibuat orang Islam menulis ayat al-Qur'an al-Karim dengan tulisan selain dari tulisan dengan huruf Arab adalah jahil dan sesat.¹⁰

Berdasarkan fatwa berkenaan, pihak pengawal terbitan-terbitan telah membuat ketetapan supaya mana-mana terbitan khasnya buku-buku yang mengandungi ayat-ayat al-Qur'an yang ditulis dengan tulisan rumi adalah dilarang pengedarannya kepada orang ramai. Jika terbitan tersebut dijual kepada orang ramai, ia akan dirampas dan ditahan oleh pihak berkenaan mengikut kuasa yang diberi kepada mereka.¹¹

5. Teka dan Menang

Pada tahun 1991, satu peraduan teka dan menang telah dikendalikan oleh Gedung Perniagaan Hua Ho bermula pada 15hb. April 1991 hingga 18hb. April 1991. Peraduan tersebut ialah meneka berapa banyak tin minuman jenis "POKKA" yang telah dimuatkan dalam sebuah kereta jenis Mitsubishi Pajero yang dipamerkan dihadapan gedung berkenaan. Pihak penganjur telah menyediakan hadiah-hadiah yang istimewa bernilai B\$120,000.00 untuk pemenang-pemenang. Pemenang pertama akan menerima sebuah kereta jenis Mitsubishi Pajero. Pemenang kedua akan menerima sebuah kereta jenis Daihatsu Applause. Manakala hadiah ketiga ialah sebuah kereta jenis Daihatsu Charade. Lain-lain hadiah juga turut disediakan.

Peraduan ini mensyaratkan bahawa sesiapa yang berhasrat untuk ikut serta dalam perduaan ini mestilah terlebih dahulu membeli barang yang dijual di gedung berkenaan atau cawangannya. Harga belian hendaklah mencapai harga B\$50.00 ke atas.

Peserta akan mengisikan borang peraduan berkenaan dan meneka banyak tin minuman yang dimaksudkan.

Peraduan tersebut telah menjadi tanda tanya kepada orang ramai sama ada, peraduan tersebut boleh disertai oleh orang Islam atau termasuk dalam perkara judi yang diharamkan oleh hukum syarak.

Berikutan keadaan tersebut, Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kememterian Hal Ehwal Ugama telah memohon penjelasan mengenainya daripada Mufti Kerajaan untuk dibincangkan dalam mesyuarat mengenainya yang akan diadakan pada 9 Februari 1991.

Pada 5 Februari 1991, Mufti Kerajaan telah mengeluarkan fatwa yang antaranya menyatakan bahawa teka dan menang yang dianjurkan oleh Syarikat Hua Ho di Sengkurong, di Gadong II dan Lambak itu adalah haram, dusta, maksiat dan makan duit orang ramai dengan cara yang batil dan salah pada pandangan agama Islam. Wajib di atas orang Islam menjauhi dari masuk bertanding dan merebut hadiah B\$120,000.00 itu kerana ia haram dan dosa kerana ia termasuk di bawah erti kata judi. Membeli di Syarikat Hua Ho itu adalah haram dan dosa kerana ia membawa kepada teka dan bertanding. Wajib di atas pihak berkennaan menegah kedai itu dari

menjalankan teka dan agak-agak yang akan melalaikan orang-orang Islam membuat perkara haram itu.¹²

Dengan keluarnya fatwa di atas, belum pun sampai tempoh peraduan berakhir iaitu 18hb April 1991, peraduan tersebut telah dibatalkan dengan serta merta dan tidak ada pemilihan untuk menentukan pemenangnya.

Dari contoh-contoh di atas nyata kepada kita bahawa fatwa Mufti Kerajaan itu dihormati dan menjadi pegangan serta panduan kepada para pentadbir dalam membuat keputusan terhadap perkara-perkara yang melibatkan hukum syarak. Keprihatinan mereka dalam mematuhi ketentuan hukum yang difatwakan menyebabkan mereka berani bertindak dan mengambil keputusan sesuai dengan kehendak hukum syarak walaupun fatwa berkenaan belum diwartakan untuk dikuatkuasakan. Walaupun demikian tidak mustahil di masa yang akan datang kekuatan fatwa melalui peruntukan undang-undang sangat diperlukan. Maka dengan pembentukan Jabatan Mufti Kerajaan dan penstrukturkan semula jabatan berkenaan adalah sangat wajar fatwa dan institusi fatwa dikawal oleh peruntukan undang-undang yang lebih komprehensif. Pentingnya undang-undang atau akta yang lebih komprehensif itu adalah untuk membantu Jabatan Mufti Kerajaan menangani hal ehwal fatwa dengan lebih efisien. Sejak pengisytiharan penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan hingga kajian ini dibuat, belum ada undang-undang baru yang digubal atau pindaan terhadap akta yang sedia ada mengenainya. Jika dilihat kepada perubahan masa kini keadaannya lebih memaksa ke arah pengubahsuaian

kerana Jabatan Mufti Kerajaan tidak lagi berada dibawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

3.4 Kesalahan Mengeluarkan Fatwa

Menurut bab 187 dari akta yang sama, sesiapa saja, selain daripada Mufti atau seseorang bertindak di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Akta ini, mengeluarkan atau bertujuan untuk mengeluarkan sebarang fatwa mengenai mana-mana persoalan ajaran Islam dari hukum syarak atau adat Brunei dia adalah melakukan suatu kesalahan. Kesalahan tersebut boleh membawa kepada hukuman penjara selama tiga bulan atau denda sebanyak dua ribu Ringgit Brunei.

Dari maksud yang terkandung dalam bab di atas, jelas menggambarkan bahawa Mufti Kerajaan tidak akan bersalah dalam mengeluarkan fatwa sekalipun atas kehendaknya sendiri. Bab ini menyatakan bahawa autoriti mengeluarkan fatwa ada pada Mufti Kerajaan. Tetapi jika dinilai kembali kehendak bab ini dengan kehendak bab 42 (2) jelas ia tidak selari kerana menurut bab berkenaan pihak yang berautoriti mengeluarkan fatwa ialah Majlis Ugama Islam.

3.5 Rumusan

Jika dilihat kepada kehendak Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 bab 42 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam,

pihak yang berautoriti mengeluarkan fatwa ialah Majlis Ugama Islam. Mufti Kerajaan hanyalah berperanan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyediakan rang fatwa sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang dihadapkan. Walau bagaimanapun dalam mematuhi kehendak bab 42 (2) dari akta tersebut, Jawatankuasa Undang-Undang menghadapi kesukaran kerana kebanyakannya ahlinya tidak bersedia ke arah itu. Hal ini memaksa Majlis Ugama Islam mengambil keputusan supaya prosedur tersebut diubahsuai berdasarkan kelunggaran melalui bab 41 (5) yang membolehkan Jawatankuasa berkenaan mengatur peraturannya sendiri.

Antara perkara penting yang diputuskan oleh Majlis Ugama Islam ialah prosedur pengeluaran fatwa seperti mana kehendak bab 42 (2) adalah tidak praktikal dan perlu dipinda dengan segera. Sementara menunggu pindaan akta berkenaan, berdasarkan bab 41 (5), Majlis Ugama Islam telah memberi kuasa kepada Mufti Kerajaan untuk mengeluarkan fatwa. Keputusan ini jelas membuktikan bahawa kehendak bab 42 itu tidak praktikal dan perlu kepada pengubahsuaian yang lebih efiktif dan komprehensif.

Dengan adanya kuasa tersebut, Mufti Kerajaan meneruskan kerja-kerja memberi fatwa terhadap segala permasalahan yang dihadapkan kepadanya termasuk permasalahan-permasalahan yang dihadapkan oleh pihak Majlis Ugama Islam sekalipun Majlis Ugama Islam mempunyai kuasa tersendiri untuk mengeluarkan fatwanya sebagaimana kehendak bab 42 (3) dari akta yang sama.

Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan kebanyakannya adalah berhubung kait dengan hal ehwal aqidah, ibadat, muamalat, pentadbiran negara dan hak ehwal keluarga. Fatwa-fatwa tersebut memainkan peranan penting dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan sangat dihormati oleh semua pihak bahkan menjadi pegangan serta panduan kepada pihak kerajaan. Ketinggian semangat dan keprihatinan para pentadbir dalam mematuhi ketentuan hukum yang difatwakan menyebabkan mereka akur dan berani bertindak dengan mengambil keputusan sesuai dengan kehendak hukum syarak sekalipun fatwa berkenaan belum diwartakan untuk dikuatkuasakan.

Dari itu, sebagai langkah ke arah pemantapan fatwa dan institusi fatwa Negara Brunei Darussalam, maka akta yang ada sekarang amat perlu dikaji semula sesuai dengan tujuan pembentukan Jabatan Mufti Kerajaan dan perkembangan institusi-institusi fatwa masa kini. Pindaan atau gubalan undang-undang atau akta mengenainya pula hendaklah lebih konpresif dan relevan dengan kehendak semasa kerana ia akan mempengaruhi kewibawaan fatwa dan institusi fatwa.

RUJUKAN

- ¹ Kandungan Lampiran A yang disertakan bersama surat jawapan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam kepada Mufti Kerajaan bertarikh 26 Jamadil Awal 1404 bersamaan 28 Februari 1984, him 1-4.
- ² Surat Yang Dipertua Majlis Ugama Islam kepada YDM Pehin Mufti Kerajaan bertarikh 28 Februari 1984.
- ³ *Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77*, bab 43 (1) & (2).
- ⁴ *Fatwa Mufti Kerajaan* bil: 2/MKB/18/1967 bertarikh 5 Jun 1967.
- ⁵ *Ibid.*
- ⁶ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 75/MKB/33/1967 bertarikh 18 April 1973.
- ⁷ Surah al-Māidah 5 : 90-91.
- ⁸ Larangan orang Islam dari terlibat dengan arak telah diperuntukkan di bawah sekyen 172 dari *Akta Majlis Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77*.
- ⁹ Antara fatwa berkenaan ialah *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: 5/MKB/11/1980 bertarikh 18 April 1987 dan bil: 19/MKB/JUB/6/1982 bertarikh 8 Mac 1989.
- ¹⁰ *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, bil: berturut (15) dlm. MKB/2/1971 bertarikh 4 Mei 1972.
- ¹¹ Pihak yang bertanggungjawab menjalankan kawalan terbitan-terbitan ketika ini ialah Bahagian kawalan dan Penapisan Terbitan-Terbitan, Pusat Dakwah Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, yang diberi kuasa oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.
- ¹² *Fatwa Mufti Kerajaan*, Brunei, siri 14/91, 36/MKB/PS/7/1987 Pt.II bertarikh 5 Februari 1991.